



# جایتن کواعن دان ڤرینداهارا عن نگری ملاک

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM/KPS)125.Jld.3 (38)

Tarikh : 18 Disember 2024

16 Jamadilakhir 1446H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Kerajaan Negeri Melaka  
**(Seperti Senarai Edaran)**

SS Datuk Wira/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan Ketua Pusat Tanggungjawab,

## **SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2024 – GARIS PANDUAN DAN TARikh PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersidang pada 11 Disember 2024 telah meluluskan Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kerajaan Negeri Melaka sebanyak RM1,200.00 dibayar pada 27 Disember 2024 dan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 akan dibuat pada tarikh pembayaran gaji Februari 2025. Surat Arahan Operasi ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JKMM, nombor rujukan : JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.4(28) bertarikh 17 Disember 2024.

3. MMKN melalui **Risalat MMKN P.15 Bil.35/2024** bersetuju untuk meluluskan BKK Kerajaan Negeri Melaka diberikan kepada pegawai yang layak tertakluk kepada garis panduan seperti berikut :

- i. Dibayar kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- ii. Pegawai yang berkhidmat kurang dari tempoh enam (6) bulan tetapi mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya sebulan (30 hari) termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am pada Tahun 2024 akan menerima bayaran BKK pada kadar pro-rata (*proportionate*);
- iii. Semua cuti yang menjelaskan kekanan pegawai serta ketidakhadiran tanpa cuti/ tanpa kelulusan Ketua Jabatan tidak boleh diambil kira bagi pengiraan tempoh bulan perkhidmatan untuk tujuan pembayaran BKK;



- iv. Pegawai Awam Negeri Melaka yang **layak** menerima bayaran BKK adalah seperti berikut:
- a) Pegawai lantikan tetap, sementara, kontrak (semua kategori kontrak);
  - b) Kakitangan di Pejabat YB Ahli MMKN, pejabat YB ADUN dan pejabat Penyelaras DUN (Unit Dewan dan MMKN hendaklah mendapatkan senarai nama kakitangan di setiap JAPERUN mengikut kuota yang ditetapkan sebelum bayaran BKK disalurkan ke Tabung JAPERUN masing-masing);
  - c) Pekerja Sambilan Harian (PSH);
  - d) Pegawai yang bercuti bergaji penuh, separuh gaji dan tanpa gaji (tertakluk pada tempoh enam (6) bulan perkhidmatan tahun 2024 atau minimum sebulan bagi pengiraan secara pro-rata);
  - e) Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKK ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;
  - f) Guru Jabatan Agama Islam (JAIM);
  - g) Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
  - h) Pesara yang memenuhi syarat tempoh perkhidmatan yang ditetapkan;
  - i) Pegawai yang bersara di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2024 dan kemudiannya dilantik secara kontrak dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (tempoh perkhidmatan di jawatan tetap dan kontrak boleh diambil kira bagi tujuan pembayaran BKK);
  - j) Pegawai yang berstatus kontrak/sementara/PSH pada tahun 2024 dan kemudiannya diberi pelantikan jawatan tetap atau kontrak baharu di Jabatan/Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka (tempoh perkhidmatan di jawatan terdahulu boleh diambil kira bagi tujuan pembayaran BKK);
  - k) Pegawai yang telah bertukar keluar dari Perkhidmatan Awam Negeri Melaka yang memenuhi syarat tempoh perkhidmatan ditetapkan; dan
  - l) Pegawai/pesara yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan tertakluk kepada syarat tempoh perkhidmatan yang ditetapkan (BKK dibayar kepada waris yang sah di sisi undang-undang serta yang berkelayakan menerima faedah persaraan).
- v. Pegawai Awam Negeri Melaka yang **tidak layak** menerima bayaran BKK adalah seperti berikut:
- a) Pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024;
  - b) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024; dan

- c) Pegawai yang meletak jawatan (tetap/kontrak) atau ditamatkan perkhidmatan sebelum berakhirnya tempoh kontrak yang sedang berkuatkuasa di antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.
- vi. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan bayaran BKK ini. Pegawai hanya layak diberi BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah;
- vii. Tarikh pembayaran BKK kali pertama berjumlah RM1,200.00 dan bayaran kali kedua bersamaan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 akan dibuat pada ketetapan seperti berikut:
  - a) **Bayaran pertama** - dibayar pada **27 Disember 2024**; dan
  - b) **Bayaran kedua** - dibayar pada tarikh pembayaran gaji bulan Februari 2025.
- viii. **Bayaran BKK kali kedua adalah tertakluk kepada keputusan Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka;**
- ix. Pengiraan bagi tujuan pembayaran BKK kali kedua adalah berdasarkan kepada gaji yang diterima oleh pegawai pada Disember 2024 serta tidak melibatkan sebarang pelarasan bagi pegawai yang terlibat dalam urusan pemangkuan/kenaikan pangkat/pergerakan gaji tahunan 2025;
- x. Pegawai yang telah bersara/bertukar, jumlah bayaran BKK kali kedua adalah berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima oleh pegawai di Perkidmatan Awam Negeri Melaka;
- xi. Bagi Pekerja Sambilan Harian yang dilantik sebagai Guru, kadar bayaran BKK kali kedua adalah berdasarkan kepada gaji harian sebanyak 21 hari dan tidak dikira berdasarkan gaji yang diterima pada Disember 2024 (cuti persekolahan);
- xii. Guru-guru KAFA yang menerima sumbangan khas oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hanya layak dibayar jumlah baki bagi BKK kali kedua;
- xiii. Pesara atau pegawai yang menerima bantuan khas kewangan selain dari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, hanya layak dibayar jumlah baki bagi BKK kali kedua tertakluk pegawai memenuhi syarat tempoh perkhidmatan yang ditetapkan. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan semasa untuk membuat semakan bersama jabatan/ agensi terakhir pegawai yang bertukar masuk ke Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka;

- xiv. Pembayaran BKK hanya layak diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri;
  - xv. Pembayaran BKK adalah di bawah tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat serta jabatan terakhir bagi pegawai yang telah bersara/meninggal dunia; dan
  - xvi. BKK ini turut dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.
4. Proses bayaran BKK adalah seperti berikut:-
- a) **Melalui *Payroll***
    - i) Jabatan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat bantuan khas di sistem iSPEKS melalui:-
      - **Modul Gaji**
      - **Proses Bonus/Bantuan Khas/Premium/APC**
      - **Kemaskini Maklumat Bonus/ Bantuan Khas/ Premium/APC**
      - **Pilihan Proses : Bonus**
    - ii) Mengemaskini dan memastikan nama pegawai yang layak dan amaun yang perlu dibayar. Kelayakan pegawai perlu dirujuk kepada surat edaran JKMM.BPSM.100-1/8/4 JLD.4(28) bertarikh 17 Disember 2024;
    - iii) Pengemaskinian maklumat perlu dibuat oleh PTJ **selewat-lewatnya pada 18 Disember 2024 (Rabu) / 17 Februari 2025 (Isnin)** sebelum jam 1.00 petang;
    - iv) Cetak Laporan Gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) yang telah diedit sebanyak 2 salinan dan **disahkan** oleh Ketua Jabatan. Satu (1) salinan untuk simpanan dan semakan PTJ dan satu (1) salinan perlu dihantar ke Unit Perkhidmatan Operasi Perakaunan, JKPNM dengan pengesahan seperti berikut:

*"Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang lebihan pembayaran yang dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut."*

.....  
*(Tandatangan,Nama & Cop Jabatan)*

b) **Melalui Baucar Berasingan**

Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan G004, bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem iSPEKS selewat-lewatnya atau pada 26 Disember 2024 (Khamis) / 19 Februari 2025 (Rabu).**

Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK DIS2024/FEB2025 – "nama pegawai". Contoh: BKK DIS2024 – Sallehuddin Bin Aziz.**

5. Bagi tujuan pembayaran BKK ini, semua Jabatan/PTJ dikehendaki menyediakan Kew.8 dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai yang berkenaan. Bagi bayaran melalui baucar berasingan, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut. Sebarang kemosyikilan mengenai kelayakan penerima BKK perlu dirujuk kepada **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JKMM**.

6. Surat arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung tatacara bayaran di atas, sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan Operasi Perakaunan** di talian 06-230 7285/7298/7802.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SUZAIMAN BIN ELMAS C.A (M))**  
Bendahari Negeri  
**MELAKA**

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri



## **SENARAI EDARAN JABATAN KERAJAAN NEGERI**

1. Setiausaha Sulit TYT Yang Di-Pertua Negeri  
Pejabat TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka  
Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
2. Ketua Menteri Melaka  
Aras 4 (Suite), Blok Temenggong  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
3. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
Unit Dewan dan MMKN  
Aras1, Blok Shahbandar  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
4. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Unit Kewangan  
Aras 2, Blok Temenggong  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
5. Pengurus Besar  
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)  
No.34-4, Tingkat 4, Bangunan Kota Cemerlang  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
6. Pengurus Besar  
Bahagian Promosi Pelancongan  
Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Lot G-14 Kota Cemerlang  
75450 Ayer Keroh  
Melaka.

7. Pengarah  
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka  
No. 55, Tingkat 2  
Jalan KPAA 2  
Kompleks Perniagaan Al-Azim  
75400 Bukit Palah  
Melaka
8. Setiausaha Bahagian Kerajaan (UPEN)  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Aras 3, Blok Temenggong  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
9. Pengarah  
Jabatan Pertanian Negeri Melaka  
Aras 4 Wisma Negeri  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC  
75450 Ayer Keroh  
Melaka
10. Pengarah,  
Pejabat Tanah dan Galian,  
Aras 1-2, Wisma Negeri,  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA**
11. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah,  
Aras Bawah dan Aras 1, Bangunan Wisma Negeri,  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
12. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah,  
78000, Alor Gajah,  
**MELAKA.**

13. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin,  
77000, Jasin,  
**MELAKA.**

14. Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka,  
Aras 3, Wisma Negeri,  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**

15. Pengarah,  
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka;  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**

16. Pengarah,  
Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka,  
Peti Surat 96, Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA**

17. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah,  
Peti Surat 96, Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA.**

18. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Jasin,  
77000, Jasin,  
**MELAKA.**

19. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Alor Gajah,  
78000, Alor Gajah,  
**MELAKA.**

20. Ketua Penolong Pengarah Mekanikal,  
Jabatan Kerja Raya Melaka,  
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Melaka,  
Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA.**

21. Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Melaka,  
Imarah B,Kompleks MAIM,  
75150, Bukit Palah,  
**MELAKA.**
22. Pengarah,  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri,  
No 36-2, Tingkat 2,  
Jalan Kota Cemerlang 1,  
Bangunan Kota cemerlang,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
23. Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka,  
Jalan Ayer Keroh Lama,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
24. Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Aras 5, Bangunan Wisma Negeri,  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
25. Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka,  
Kompleks Mahkamah Syariah Melaka,  
Jalan Ayer Keroh Lama,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
26. Mufti,  
Jabatan Mufti Negeri Melaka,  
Aras 2, Imarah A,  
Pusat Islam Melaka,  
Jalan Bukit Palah,  
75150, **MELAKA.**